(o) **Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** adalah ditakrifkan seperti dalam jadual di bawah:-

Bagi orang yang dilindungi yang bekerja

Ketidakupayaan yang menyeluruh dan kekal serta berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan, dan yang menghalang sepenuhnya orang yang dilindungi daripada melibatkan diri dalam apa-apa kerja, perniagaan, pekerjaan atau profesion untuk gaji atau keuntungan.

Berlakunya salah satu dari berikut juga akan dianggap sebagai TPD:

- i. Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- ii. Kehilangan yang kekal akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh dan kekal pada dua anggota di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
- iii. Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan kekal pada sebelah mata dan kehilangan yang kekal akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh dan kekal pada satu anggota di atas pergelangan tangan atau buku lali.

Bagi orang yang dilindungi yang tidak bekerja

Bagi orang yang dilindungi tidak mendapat pekerjaan atau, adalah seorang suri rumah ketika hilang upaya, TPD bermaksud ketidakupayaan kekal dan berterusan orang yang dilindungi daripada melakukan sekurang-kurangnya 3 aktiviti kehidupan harian yang berikut:

- i. Beralih – duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- ii. Bergerak – keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- iii. Membuang air – keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi secara semulajadi untuk menjaga kebersihan diri.
- iv. Berpakaian – memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- v. Mandi/Membersih diri – keupayaan untuk membersih diri dalam bilik mandi atau bilik air (termasuk masuk atau keluar dari bilik mandi atau bilik air) atau membersih dengan sebarang cara lain.
- vi. Makan – semua cara untuk memasukkan makanan ke dalam badan apabila ia telah disediakan.

Untuk dianggap ketidakupayaan kekal, ketidakupayaan mestilah berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan.

(p) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.

## **LAMPIRAN MRTT004**

### **Peruntukan am**

#### **1. Kontrak induk**

1.1 Kontrak ini dikeluarkan sebagai balasan bagi borang permohonan orang yang dilindungi dan pembayaran sumbangan seperti yang tertera dalam sijil takaful dan adalah menurut:

- (a) jawapan yang diberikan oleh orang yang dilindungi dalam borang permohonan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan dengan permohonan tersebut dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh orang yang dilindungi di antara waktu serahan borang permohonan orang yang dilindungi dengan waktu sijil takaful dibuat; dan
- (b) laporan perubatan dan sebarang laporan dan soal selidik yang lain;  
(secara kolektif dirujuk sebagai ‘maklumat penting’)

dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada kontrak induk antara kami dengan anda dan/atau orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan prakontrak yang berkaitan dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedii di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.

- 1.2 Jika kami memerlukan orang yang dilindungi, sebelum sijil takaful beliau diubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika beliau dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil takaful tersebut yang sebelum ini didedahkan oleh beliau kepada kami, ia adalah tanggungjawab orang yang dilindungi untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
- 1.3 Orang yang dilindungi mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan beliau atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil takaful jika perubahan tersebut telah berlaku selepas orang yang dilindungi mengemukakan permohonan bagi perubahan tetapi sebelum sijil takaful diubah.

#### **2. Interpretasi**

2.1 Di dalam kontrak ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

- (a) tajuk di dalam kontrak ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
- (b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
- (c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

2.2 Setiap peruntukan kontrak ini adalah berasingan daripada satu sama lain. Jika mana-mana peruntukan tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan memberi kesan kepada peruntukan lain.

### **3. Pindaan**

- 3.1 Tiada ejen atau orang lain yang mempunyai bidang kuasa untuk meminda, mengubah atau mengecualikan mana-mana peruntukan kontrak ini atau sijil takaful, melainkan dengan pengendorsan yang ditandatangani oleh pegawai kami yang diberi kuasa.

### **4. Perihal tidak boleh dipertikaikan**

- 4.1 Kami tidak boleh mempertikaikan kesahan mana-mana sijil takaful setelah ia berkuatkuasa semasa hayat orang yang dilindungi untuk 2 tahun dari tarikh permulaan sijil takaful, kecuali kerana penipuan.
- 4.2 Sekiranya sijil takaful adalah tidak sah dari tarikh permulaan sijil takaful, sumbangan akan dikembalikan tanpa sebarang bayaran tambahan.

### **5. Bebas dari sekatan**

- 5.1 Kontrak ini tidak menyekat kebebasan orang yang dilindungi berhubung dengan perjalanan, tempat tinggal atau pekerjaan.

### **6. Tempoh perlindungan**

- 6.1 Perlindungan takaful bagi setiap orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh seperti tertera di dalam sijil takaful.
- 6.2 Perlindungan sepenuhnya akan berkuatkuasa dari tarikh pengunderaitan orang yang dilindungi diterima, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan atau klausa-klausa kontrak ini.
- 6.3 Sebelum tarikh pengunderaitan diterima, hanya perlindungan ke atas kematian disebabkan oleh kemalangan atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) disebabkan oleh kemalangan, sehingga bayaran maksimum RM250,000 atau jumlah yang dilindungi yang dicadangkan atau berkuatkuasa, yang mana lebih rendah, akan dibayar sekiranya kematian atau TPD berlaku dari tarikh permohonan takaful sehingga tarikh penerimaan pengunderaitan.

### **7. Umur**

- 7.1 Setiap sijil takaful ini dikeluarkan untuk umur yang ditunjukkan di dalamnya.
- 7.2 Umur orang yang dilindungi akan diakui semasa hayatnya oleh kami berdasarkan bukti yang wajar, tetapi jika ia belum diakui, bukti umur hendaklah dikemukakan sebelum pembayaran sebarang manfaat dibuat di bawah sijil takaful.
- 7.3 Jika umur telah salah direkodkan dan takaful tidak mungkin dapat diberikan dari segi syarat dan peraturan kami berdasarkan pada umur yang betul, liabiliti adalah terhad kepada nilai akaun peserta individu.
- 7.4 Jika takaful masih mungkin dapat diberikan, maka sebarang perbezaan dalam sumbangan tunggal yang diperlukan dari permulaan sijil akan dibayar kepada kami ataupun dikembalikan, mengikut mana yang berkenaan. Dana tabarru' peserta juga akan diselaraskan dengan perbezaan dalam jumlah potongan tabarru' yang diperlukan dari permulaan sijil dan baki perbezaan dalam sumbangan akan diselaraskan dalam akaun peserta individu.

## **8. Jantina**

- 8.1 Setiap sijil takaful dikeluarkan bagi jantina yang ditunjukkan di dalamnya.
- 8.2 Jika jantina telah direkodkan dengan tidak betul, sebarang perbezaan dalam sumbangan tunggal yang diperlukan dari permulaan sijil akan dibayar kepada kami atau dibayar balik, mengikut mana-mana yang berkenaan. Dana tabarru' peserta juga akan diselaraskan dengan perbezaan di dalam jumlah potongan tabarru' yang diperlukan dari permulaan sijil dan baki perbezaan sumbangan hendaklah diselaraskan di dalam akaun peserta individu.

## **9. Takaful semula**

- 9.1 Kami akan diberi kuasa untuk mendapatkan takaful semula atau insurans semula dari mana-mana sumber yang dianggap wajar oleh kami. Perjanjian insurans semula adalah tertakluk kepada kelulusan oleh jawatankuasa Shariah.

## **10. Pindaan kepada kontrak**

- 10.1 Kontrak ini boleh dipinda atau diubah pada bila-bila masa, tanpa memerlukan persetujuan daripada orang yang dilindungi, dengan wujudnya perjanjian bertulis antara pemegang kontrak induk dan kami. Sebarang pindaan atau perubahan kepada kontrak ini akan dikenakan ke atas semua orang yang dilindungi.

## **11. Bukti kepentingan takaful yang dibenarkan**

- 11.1 Kami memerlukan bukti kepentingan takaful yang dibenarkan yang memuaskan di antara pelanggan dan pemegang kontrak induk yang telah memberikan kemudahan pembiayaan sebelum pelanggan diterima untuk perlindungan takaful.
- 11.2 Jika pemegang kontrak induk tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan dalam orang yang dilindungi, semua hak-hak dan hak-hak istimewa perlindungan takaful akan dipindahkan kepada orang yang dilindungi secara automatik.

## **12. Penimbang tara**

- 12.1 Jika terdapat sebarang perbezaan atau pertikaian dalam apa-apa juga bentuk yang timbul antara pemegang kontrak induk dan kami tentang pengertian mana-mana peruntukan kontrak ini berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang timbul di bawah ini, ianya hendaklah dirujuk kepada penimbang tara tunggal di Malaysia sekiranya pihak-pihak bersetuju atau sebaliknya merujuk kepada 2 penimbang tara di Malaysia yang dilantik oleh pemegang kontrak induk dan kami atau dalam kes perselisihan, kepada pengadil yang dilantik oleh penimbang tara sebelum membuat rujukan. Award yang telah dibuat oleh penimbang tara hendaklah menjadi syarat utama kepada sebarang liabiliti atau hak untuk bertindak terhadap kami berkenaan dengan perbezaan atau pertikaian sedemikian.

## **13. Kebolehasingan**

- 13.1 Mana-mana peruntukan di dalam kontrak ini yang haram, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia tidak akan menjaskan kesahan, kesahihan atau kebolehkuatkuasaan peruntukan lain.

#### **14. Pihak berkuasa kawal selia takaful**

- 14.1 Kontrak ini adalah tertakluk kepada arahan utama Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful Malaysia, pelbagai panduan, arahan, peraturannya dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan pindaan berikut atau penggantinya.
- 14.2 Kontrak ini adalah tertakluk kepada kajian semula secara berkala oleh pihak-pihak selepas pengeluaran apa-apa garis panduan, arahan, peraturan-peraturan atau pindaan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan pindaan berikut atau penggantinya atau mana-mana perundangan lain yang berkaitan, peraturan atau undang-undang, yang mengawal pengendalian perniagaan kami.

#### **15. Undang-undang**

- 15.1 Kontrak ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 15.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 15.3 Kontrak ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

#### **16. Nilai tunai**

- 16.1 Sijil takaful akan memperoleh nilai tunai bersamaan dengan nilai akaun peserta individu tolak sebarang caj penyerahan yang berkenaan seperti yang ditetapkan oleh kami. Nilai tunai akan dibayar apabila sijil takaful individu diserahkan dan sijil takaful individu tersebut akan tamat pada ulangtahun bulanan yang pertama selepas tarikh pembayaran serahan.

#### **17. Manfaat pada tarikh tamat sijil takaful**

- 17.1 Jika orang yang dilindungi masih hidup sehingga tarikh tamat sijil takaful individu, maka nilai akaun peserta individu pada tarikh tamat akan dibayar.

#### **18. Tempoh semakan percuma (tempoh pembatalan)**

- 18.1 Dalam masa 15 hari selepas sijil dihantar, orang yang dilindungi boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk dan mengembalikan sijil kepada kami.
- 18.2 Kami akan membayar balik sebarang sumbangan yang telah orang yang dilindungi bayar tanpa manfaat ditolak sebarang perbelanjaan yang telah kami bayar untuk sebarang pemeriksaan perubatan.

#### **19. Penyerahan hak**

- 19.1 Manfaat-manfaat yang diperuntukkan di bawah kontrak ini, jika ada, tidak boleh diserah hak.

## **20. Penama**

- 20.1 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan pada masa hadapan yang dibuat oleh orang yang dilindungi, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Pembahagian 1958, yang mana berkenaan bagi bukan Muslim atau mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Undang-undang Pusaka Islam (Faraid), yang mana berkenaan bagi Muslim. Orang yang dilindungi boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa melalui pemberitahuan bertulis kepada kami. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima pemberitahuan bertulis itu.

## **21. Pembatalan kontrak**

- 21.1 Pemegang kontrak induk atau kami boleh, secara bertulis, membatalkan kontrak ini dengan memberi 3 bulan notis. Walau bagaimanapun, setiap perlindungan bagi orang yang dilindungi akan berterusan sehingga tarikh tamat sijil takaful individu atau sehingga berlakunya keadaan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 25 di sini.

## **22. Notis tuntutan**

- 22.1 Notis tuntutan hendaklah dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari berlakunya kejadian.
- 22.2 Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika ia dapat ditunjukkan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberi secepat yang mungkin.

## **23. Rekod**

- 23.1 Pemegang kontrak induk perlu mengemukakan secara berkala kepada kami, maklumat berkaitan dengan orang yang dilindungi yang baru dan penamatan perlindungan orang yang dilindungi yang diperlukan oleh kami untuk mengurus takaful. Pemegang kontrak induk akan mengemukakan kepada kami umur, pekerjaan, jantina dan data lain yang berkaitan mengenai orang yang dilindungi yang mana mungkin dianggap berkaitan untuk mengurus takaful tersebut dan untuk menentukan kadar sumbangan apabila diminta oleh kami.

## **24. Hak dan pilihan**

- 24.1 Pemegang kontrak induk akan melaksanakan segala hak dan pilihan di bawah kontrak ini dan kami tidak terikat untuk mengakui sebarang tuntutan atau kepentingan oleh mana-mana orang lain.
- 24.2 Kami tidak akan membuat sebarang bayaran atas serahan dengan amaun kurang daripada RM2. Walau bagaimanapun, ia akan digunakan sebagai derma kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah kami.

## **25. Penamatan perlindungan takaful di bawah sijil takaful individu**

- 25.1 Perlindungan di bawah sijil takaful individu akan tamat dalam keadaan berikut:
- Pada tarikh tamat seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful individu;

- (b) Apabila berlakunya kejadian seperti yang ditetapkan di bawah peruntukan manfaat;
- (c) Apabila sijil takaful individu diserahkan;
- (d) Apabila pembatalan sijil takaful; atau
- (e) Selepas penamatan kemudahan pembiayaan atau apabila orang yang dilindungi bukan lagi menjadi pelanggan pemegang kontrak induk sebelum tempoh kontrak ini tamat untuk apa-apa sebab.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan (e) berlaku, hanya orang yang dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga tamat tempoh perlindungan takaful secara semula jadi yang dinyatakan pada sijil yang berkaitan dengan notis bertulis kepada kami.

## 26. Cukai

- 26.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barang dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

## 27. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

- 27.1 Sekiranya orang yang dilindungi mempunyai indicia Amerika Syarikat dan gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi kewajipan kontraktual, undang-undang atau kawal selia di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA), termasuk sebarang laporan kepada U.S. Internal Revenue Service (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan orang yang dilindungi atau waris yang berkaitan dengan sijil takaful, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung sijil takaful, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil takaful dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa keuntungan sekiranya penamatan tersebut berlaku.
- 27.2 Untuk tujuan kontrak induk ini, takrifan indicia Amerika Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh U.S. Internal Revenue Service (IRS) melalui laman web mereka di [www.irs.gov](http://www.irs.gov), atau apa-apa semakan mengenai takrifan selepas itu oleh IRS.

## **LAMPIRAN MRTT005**

### **Peruntukan dana**

#### **1. Akaun peserta**

- 1.1 Sumbangan tunggal tolak yuran wakalah untuk setiap orang yang dilindungi akan dimasukkan ke dalam akaun peserta individu.
- 1.2 Tabarru' bulanan untuk setiap orang yang dilindungi, akan ditolak daripada akaun peserta individu ke dalam dana tabarru' peserta.
- 1.3 Aset-aset dana tabarru' peserta adalah berada di bawah pengurusan kami dan kami mempunyai budi bicara mutlak untuk melabur dan menguruskan aset selaras dengan prinsip Shariah dan akan mengelakkan daripada melabur aset dalam sekuriti dan aset yang dilarang di bawah prinsip Shariah.
- 1.4 Semua aset yang berkaitan dengan dana adalah dan kekal di dalam hakmilik sah kami.
- 1.5 Semua kos, perbelanjaan, caj dan levi untuk mengurus dan melabur aset akaun peserta dan sebarang perbelanjaan yang berkaitan akan ditanggung dan dibayar dari akaun peserta.
- 1.6 Keuntungan pelaburan dana ini akan diagihkan seperti yang ditetapkan dalam Lampiran MRTT010. Keuntungan pelaburan adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar dana dan tidak dijamin.

#### **2. Dana tabarru' peserta**

- 2.1 Aset-aset dana tabarru' peserta adalah berada di bawah pengurusan kami dan kami mempunyai budi bicara mutlak untuk melabur dan menguruskan aset selaras dengan prinsip Shariah dan akan mengelakkan daripada melabur aset dalam sekuriti dan aset yang dilarang di bawah prinsip Shariah.
- 2.2 Semua aset yang berkaitan dengan dana adalah dan kekal di dalam hakmilik sah kami.
- 2.3 Semua kos, perbelanjaan, caj dan levi untuk mengurus dan melabur aset dana tabarru' peserta dan apa-apa perbelanjaan yang berkaitan akan ditanggung dan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 2.4 Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan takaful, kami akan mengaturkan qard dari dana kami untuk membentulkan defisit. Lebihan pada masa depan dalam dana tabarru' peserta akan digunakan untuk membayar balik qard kepada kami sebelum sebarang pengagihan lebihan ditentukan.
- 2.5 Sebarang lebihan akan diagihkan seperti yang ditetapkan dalam Lampiran MRTT010.

## **LAMPIRAN MRTT006**

### **Peruntukan sumbangan dan caj**

#### **1. Sumbangan**

- 1.1 Kami akan menetapkan sumbangan tunggal yang akan dibayar oleh orang yang dilindungi untuk perlindungan takaful.
- 1.2 Kami berhak mengubah kadar sumbangan tunggal pada bila-bila masa dengan syarat sekurang-kurangnya 90 hari notis secara bertulis diberikan kepada pemegang kontrak induk. Sebarang perubahan sedemikian hanya akan dikenakan ke atas sijil-sijil individu yang dikeluarkan selepas tempoh notis tersebut tamat.

#### **2. Yuran wakalah**

- 2.1 Setiap sumbangan tunggal adalah tertakluk kepada yuran wakalah yang akan dibayar kepada kami. Peratusan yuran wakalah yang dikenakan akan ditetapkan dalam Lampiran MRTT010.
- 2.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

#### **3. Tabarru'**

- 3.1 Kami akan mengambil tabarru' bulanan dari akaun peserta individu dan pindahkan amaun tersebut ke dalam dana tabarru' peserta. Kadar untuk potongan tabarru' adalah berbeza mengikut:
  - (a) Umur hari lahir terdekat bagi orang yang dilindungi pada ulangtahun bulanan;
  - (b) Risiko pekerjaan; atau
  - (c) Risiko kesihatan
- 3.2 Potongan tabarru' untuk manfaat takaful akan dikenakan dengan mendarabkan kadar tabarru' yang berkenaan dengan jumlah berisiko.
- 3.3 Jumlah berisiko adalah perbezaan di antara jumlah yang dilindungi yang berkurangan dan nilai akaun peserta Individu. Jika nilai akaun peserta individu adalah lebih daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan, maka jumlah berisiko adalah bersamaan dengan 0.
- 3.4 Kami berhak untuk menyemak semula kadar tabarru' ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

## **LAMPIRAN MRTT007**

### **Peruntukan manfaat – Manfaat kematian**

#### **1. Manfaat kematian**

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan kontrak, semasa sijil takaful individu masih berkuatkuasa dan sebelum tarikh akhir perlindungan seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful individu, sekiranya berlaku kejadian kematian bagi orang yang dilindungi akibat daripada sebarang sebab selain daripada risiko-risiko yang dikecualikan yang dinyatakan di sini, yang berikut akan dibayar:
  - (a) Jumlah yang dilindungi yang berkurangan tolak nilai akaun peserta individu pada tarikh kematian dari dana tabarru' peserta; dan
  - (b) Nilai akaun peserta individu pada tarikh kematian.
- 1.2 Sekiranya nilai akaun peserta individu pada tarikh kematian adalah lebih daripada atau sama dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan, manfaat yang akan dibayar adalah bersamaan dengan nilai akaun peserta individu.

#### **2. Pengecualian**

- 2.1 Jika orang yang dilindungi mati disebabkan bunuh diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman, liabiliti kami akan terhad kepada nilai akaun peserta individu pada tarikh kematian.

#### **3. Bukti tuntutan**

- 3.1 Bukti tuntutan mesti dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari dengan menggunakan borang-borang yang disediakan oleh kami, atas perbelanjaan pihak yang menuntut. Kami berhak meminta laporan perubatan atau bukti yang lanjut.

#### **4. Membayar manfaat**

- 4.1 Apabila menerima dan meluluskan bukti kematian orang yang dilindungi, kami akan membayar jumlah pinjaman/pembiayaan sebenar yang ditanggung oleh orang yang dilindungi kepada anda atau jumlah yang dilindungi yang berkurangan, yang mana lebih rendah.
- 4.2 Sijil akan ditamatkan selepas pembayaran di atas.
- 4.3 Jika amaun pinjaman/pembiayaan yang sebenar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan, baki bagi sebarang manfaat akan dibayar kepada penama yang dinamakan oleh orang yang dilindungi.
- 4.4 Sekiranya tidak ada penama, manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak menuntut yang sah.

## **LAMPIRAN MRTT008**

### **Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)**

#### **1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal**

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan kontrak ini, apabila orang yang dilindungi dibuktikan TPD sebagaimana ditakrifkan akibat daripada sebarang sebab selain daripada risiko-risiko yang dikecualikan seperti yang terkandung di sini, yang berikut akan dibayar:
  - (a) Jumlah yang dilindungi yang berkurangan tolak nilai akaun peserta individu pada tarikh berlakunya TPD, dari dana tabarru' peserta; dan
  - (b) Nilai akaun peserta individu pada tarikh berlakunya TPD.
- 1.2 Sekiranya nilai akaun peserta Individu pada tarikh berlakunya TPD adalah lebih daripada atau sama dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan, manfaat yang akan dibayar adalah bersamaan dengan nilai akaun peserta individu.
- 1.3 Jumlah maksimum manfaat TPD dibayar kepada orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.4 TPD mesti bermula:
  - (a) pada atau selepas tarikh permulaan sijil takaful individu;
  - (b) semasa sijil takaful individu masih berkuatkuasa;
  - (c) sebelum ulangtahun bulanan pada atau sebaik sahaja hari lahir ke-65 orang yang dilindungi; dan
  - (d) sebelum tarikh akhir perlindungan seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful individu.

#### **2. Pengecualian**

- 2.1 Tiada manfaat akan dibayar jika TPD bagi orang yang dilindungi adalah akibat daripada:
  - (a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, pererangan (sama ada diisyiharkan atau tidak);
  - (b) Berada di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah;
  - (c) Bunuh diri, percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), mencederakan diri sendiri dengan sengaja (sama ada siuman atau tidak siuman);
  - (d) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti udara atau alat pengangkutan kecuali jika orang yang dilindungi berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh penerbangan penumpang komersial dalam perjalanan penumpang berjadual mengikut laluan penumpang yang telah ditetapkan;

- (e) Menyertai dalam perlakuan melanggar undang-undang (melainkan sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram;
- (f) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan;
- (g) Penyertaan di dalam apa-apa aktiviti di dalam air yang memerlukan penggunaan alat bantuan pernafasan; atau
- (h) Bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. (Hanya untuk pengecualian ini, pembakaran adalah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang berlaku dengan sendirinya).

### **3. Bukti ketidakupayaan**

- 3.1 Bukti yang mengesahkan bahawa orang yang dilindungi telah menjadi hilang upaya menyeluruh dan kekal hendaklah dikemukakan kepada kami dengan menggunakan borang-borang yang disediakan oleh kami dalam tempoh 9 bulan dari tarikh berlakunya hilang upaya, atas perbelanjaan pihak yang menuntut.
- 3.2 Kami mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa orang yang mana kecederaan atau penyakitnya menjadi asas tuntutan pada dan seberapa kerap yang diperlukan semasa menunggu keputusan tuntutan atau pembayaran sebarang manfaat di sini.
- 3.3 Walaupun bukti ketidakupayaan bagi orang yang dilindungi telah diterima oleh kami sebagai memuaskan, kami mempunyai hak pada bila-bila masa sebelum bayaran manfaat ketidakupayaan dibuat, untuk meminta orang yang dilindungi mengemukakan bukti wajar berterusannya ketidakupayaan tersebut, atas pebelanjaan pihak yang menuntut yang mana berkenaan.

### **4. Membayar manfaat**

- 4.1 Apabila menerima dan meluluskan bukti TPD orang yang dilindungi, kami akan membayar jumlah pinjaman/pembiayaan sebenar yang ditanggung oleh orang yang dilindungi kepada anda atau jumlah yang dilindungi yang berkurangan, yang mana lebih rendah.
- 4.2 Sijil akan ditamatkan selepas pembayaran di atas.
- 4.3 Jika amaun pinjaman/pembiayaan yang sebenar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan, baki sebarang manfaat akan dibayar kepada orang yang dilindungi.

## LAMPIRAN MRTT009

### Peruntukan manfaat – Manfaat khairat kematian

#### 1. Manfaat khairat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan kontrak, semasa sijil takaful individu masih berkuatkuasa dan sebelum tarikh akhir perlindungan seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful individu, manfaat khairat kematian akan dibayar dari dana tabarru' peserta jika berlakunya kematian ke atas orang yang dilindungi, pasangan atau anak-anak kepada orang yang dilindungi seperti berikut:

Kematian ke atas	Manfaat khairat kematian yang dibayar (setiap orang)
Orang yang dilindungi	RM 1,000
Pasangan (maksimum 1 pasangan)	RM 1,000
Anak (maksimum 2 orang anak)	RM 500

- 1.2 Pasangan bermaksud mana-mana pasangan yang sah dari segi undang-undang.
- 1.3 Anak bermaksud:
- (a) Minor yang berumur di antara 30 hari sehingga 18 tahun. Jika anak sedang mengikuti pendidikan tinggi, definisi umur dilanjutkan sehingga umur 23 tahun. (Bukti mengikuti pengajian pendidikan tinggi perlu dikemukakan oleh penuntut apabila membuat sebarang tuntutan).
- (b) Anak luar nikah, anak tiri dan anak angkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia.

#### 2. Membayar manfaat

- 2.1 Apabila menerima dan meluluskan bukti kematian orang yang dilindungi, manfaat akan dibayar kepada penama yang dinamakan oleh orang yang dilindungi. Sekiranya tidak ada penama, manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak menuntut yang sah.
- 2.2 Apabila menerima dan meluluskan bukti kematian pasangan atau anak orang yang dilindungi, manfaat akan dibayar kepada orang yang dilindungi.

## LAMPIRAN MRTT010

### Jadual yuran wakalah dan caj

#### 1. Yuran wakalah

- 1.1 Yuran wakalah (% daripada sumbangan tunggal) adalah seperti berikut:

##### Lelaki

Umur	Tempoh pembiayaan					
	1 – 5	6 – 10	11 – 15	16 - 20	21 - 25	26 - 30
18 – 25	28%	28%	23%	23%	23%	23%
26 – 30	28%	28%	23%	23%	23%	23%
31 – 35	28%	28%	23%	23%	23%	23%
36 – 40	28%	28%	23%	23%	23%	23%
41 – 45	27%	27%	23%	23%	23%	23%
46 – 50	27%	27%	23%	23%	23%	23%
51 – 55	27%	27%	23%	23%	22%	22%
56 – 60	26%	26%	23%	23%	22%	22%
61 – 65	26%	26%	23%	23%	22%	22%

##### Perempuan

Umur	Tempoh pembiayaan					
	1 – 5	6 – 10	11 – 15	16 - 20	21 - 25	26 - 30
18 – 25	39%	39%	39%	39%	39%	38%
26 – 30	39%	39%	38%	38%	37%	34%
31 – 35	35%	35%	34%	34%	34%	34%
36 – 40	35%	35%	34%	34%	34%	34%
41 – 45	35%	35%	34%	34%	34%	34%
46 – 50	35%	35%	33%	33%	33%	29%
51 – 55	35%	35%	31%	31%	27%	26%
56 – 60	28%	27%	27%	26%	26%	26%
61 – 65	26%	26%	25%	25%	25%	24%

- 1.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari.

#### 2. Caj penyerahan

- 2.1 Caj penyerahan adalah RM50 atau nilai akaun peserta individu, yang mana lebih kurang.
- 2.2 Kami berhak untuk menyemak semula caj penyerahan pada bila-bila dengan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari. Perubahan sedemikian hanya akan dikenakan ke atas sijil-sijil individu yang dikeluarkan selepas itu.

### **3. Duti setem**

3.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

### **4. Perkongsian lebihan**

4.1 Sebarang lebihan yang diagihkan dari dana tabarru' peserta akan diperuntukkan seperti berikut:

Kami – 50% daripada lebihan

Akaun peserta – 50% daripada lebihan

### **5. Pengagihan keuntungan pelaburan dalam akaun peserta**

Kami – 10% daripada keuntungan pelaburan, ditentukan setiap tahun.

Akaun peserta – 90% daripada keuntungan pelaburan, ditentukan setiap tahun.

6. Semua caj adalah tidak dijamin dan mungkin akan diubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful Malaysia. Kami akan memberikan notis sekurang-kurangnya 90 hari kepada pemegang kontrak induk sebelum mengenakan kadar dan caj yang telah disemak. Perubahan pada kadar potongan tabarru', hanya akan berkuatkuasa dari ulangtahun kontrak seterusnya sebaik sahaja tempoh notis berakhir.

## LAMPIRAN MRTT011

### 1. Formula bagi jumlah yang dilindungi yang berkurangan

Jumlah yang dilindungi yang berkurangan (RSC) dikira berdasarkan formula berikut:-

$$RSC_t = 1 \quad \text{bagi } t \leq 12 \times dp$$

$$RSC_t = \frac{1 - vl^{(12 \times n) - (t-1)}}{1 - vl^{(12 \times pp)}} \quad \text{bagi } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

di mana,

$$vl = \frac{1}{1 + \frac{lpr}{12}}$$

$lpr$  = Kadar Keuntungan Pinjaman/Pembayaran

$dp$  = Tempoh Penangguhan

$pp$  = Tempoh Bayaran Balik Pinjaman/Pembayaran

$n$  =  $dp + pp$

$t$  = Tempoh dalam bulan